



PKS perlu radikal tingkat teknologi

dalam persekitaran digital yang lengkap. Dengan kata mudah, transformasi perniagaan secara tradisional kepada perniagaan menggunakan teknologi digital (atas talian). Desakan perubahan ekonomi digital amat perlu bagi usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk lebih proaktif dalam membangunkan strategi perniagaan mereka. Malah perubahan secara langsung terhadap landskap perniagaan hari ini berdasarkan norma baharu gaya hidup pengguna yang lebih cenderung untuk membuat pembelian barangan dan perkhidmatan secara atas talian.

Hari ini digitalisasi merupakan pemacu utama bagi perniagaan di Malaysia. Transformasi digital ini membuka laluan kepada perniagaan PKS dalam menghadapi cabaran baharu. Digitalisasi adalah kaedah yang amat praktikal pada masa sekarang untuk membantu mengekalkan kelangsungan dan operasi perniagaan di masa hadapan.

Namun demikian, kebanyakan PKS masih berdepan dengan isu-isu asas kepada teknologi. Cabaran utama mereka ialah masalah infrastruktur yang tidak dinaik taraf, bebanan pengawalseliaan dan pentadbiran. Kesannya apabila teknologi mengalami inovasi yang sangat pantas, PKS didapati sukar untuk meningkatkan daya saing perniagaan mereka. Selain kurangnya pengetahuan dan kemahiran digital dikalangan tenaga kerja menyebabkan PKS terkebelakang dalam usaha untuk terus bertahan terutama semasa menghadapi situasi-situasi sukar ekonomi. Sementara itu, masih banyak PKS yang mengalami kesulitan mengendalikan perniagaan mereka seperti cabaran menguruskan aliran tunai

dan juga kapasiti tenaga kerja. Teknologi digital banyak memberikan kelebihan kepada PKS dalam mengurangkan kos operasi dan kos tenaga kerja. Namun begitu kemahiran menggunakan teknologi ini perlulah dikuasai agar ianya benar-benar memberi manfaat kepada perniagaan. Pengukur keupayaan prestasi sesebuah perniagaan bukanlah bergantung kepada keuntungan semata-mata, malah harus mengambil kira pembangunan operasi perniagaan. Dengan menaik taraf cara pengoperasian perniagaan PKS boleh lebih berdaya saing. Teknologi digital bukan tertumpu kepada pemasaran sahaja, namun meliputi aspek-aspek lain seperti operasi perniagaan dan khidmat pelanggan. Dalam mengharungi arus persaingan digital, usahawan PKS haruslah merebut peluang solusi dan inisiatif digital yang disediakan oleh kerajaan dan agensi-agensi yang berkaitan untuk terus bertahan dan mengekalkan pertumbuhan. Peluang untuk menggunakan teknologi digital perlu direbut, namun perlu juga diingat digitalisasi sahaja bukanlah penawar bagi semua masalah. Sebaliknya, perniagaan perlu diteruskan dengan pembangunan inovasi barangan dan perkhidmatan mereka. Mereka perlu berada dalam talian tanpa beralih kepada model tradisional untuk terus kekal bertahan terhadap cabaran masa depan.

Sumber; <https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2020/05/686362/pks-perlu-radikal-tingkat-teknologi-digital-mustapa-mohamed>

Rujukan

Sektor PKS Pada 2018 Kekal Kukuh Di Tengah-Tengah Cabaran IR4.0, 2018. Berita Harian Online retrieved from <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2018/12/512347/sektor-pks-pada-2018-kekal-kukuh-di-tengah-tengah-cabaran-ir40>
Zulkarnain, E.F., Bryan Abdullah, A.N.F., and Ridzuan, A.A., 2019. Tahap Pendigitalan Perniagaan Dalam Kalangan Usahawan PKS MARA di Melaka. Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning, Vol. 3, No. 1; Eissn 2600-7738